

Perdana Menteri lancar kempen OH 27 AUG 2001

MELAKA, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan kempen 'Katakan Ya Kepada Kanak-Kanak' Peringkat Kebangsaan di Sunway Lagoon, Selangor, 1 September ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata sempena pelancaran kempen itu, Majlis Perunding Mengenai Hal Ehwal Kanak-Kanak, akan dibentuk.

Beliau berkata, majlis itu berperanan sebagai badan menyelaras, mengesan serta memantau perkembangan program yang dijalankan oleh kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) terhadap kanak-kanak.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat agung ke-23 Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia, di Cheng dekat sini, malam tadi.

Katanya, majlis itu akan menumpukan soal polisi pada peringkat kebangsaan supaya supaya pelan tindakan yang dihasilkan kerajaan itu mendapat maklum balas untuk dilaksanakan.

"Kita juga sedang memikirkan tindakan yang penting untuk dijalankan serta diseragamkan pada semua peringkat lapisan masyarakat serta sektor tertentu yang berkaitan dengan kanak-kanak," katanya.